BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 11/15/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 13 November 2015

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2015

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku ketiga 2015, dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi. Meskipun ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun semakin beransur-ansur bertambah baik. Di Asia, pertumbuhan disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Berlatarkan pertumbuhan yang sederhana dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau telah menurunkan kadar dasar mereka. Selain itu, beberapa ekonomi di rantau ini telah mengumumkan langkah-langkah fiskal untuk menyokong aktiviti permintaan dalam negeri.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.7% pada suku ketiga 2015

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: 4.9%), disokong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia berkembang 0.7% (S2 2015: 1.1%).



Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku ketiga. Pelaburan swasta meningkat 5.5% (S2 2015: 3.9%), didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.1% (S2 2015: 6.4%) apabila isi rumah terus membuat pelarasan terhadap pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST). Pelaburan awam kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam. Sementara itu, pertumbuhan penggunaan awam menurun kepada 3.5% (S2 2015: 6.8%), berikutan pertumbuhan perbelanjaan emolumen dan bekalan serta perkhidmatan yang lebih perlahan.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga. Pertumbuhan diterajui oleh sektor pembinaan dan perkilangan. Pertumbuhan sektor pembinaan yang lebih baik disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih cepat dalam subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan yang khusus. Sektor perkilangan, yang turut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh peningkatan industri berorientasikan eksport. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan perbelanjaan isi rumah yang sederhana dan aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan. Sektor perlombongan dan pertanian berkembang pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan minyak sawit yang sederhana.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.0% pada suku ketiga 2015 (S2 2015: 2.2%), sebahagian besarnya mencerminkan kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan beralkohol berikutan kekurangan

bekalan yang berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk. Kategori pengangkutan turut menyumbang kepada peningkatan inflasi berikutan harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi pada suku ketiga.

Lebihan perdagangan berjumlah RM22.2 bilion pada suku ketiga 2015 (S2 2015: RM20.4 bilion). Eksport kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% (S2 2015: -3.7%), disokong terutamanya oleh peningkatan yang menyeluruh dalam eksport barangan perkilangan. Sementara itu, import kasar meningkat 2.9% (S2 2015: -5.2%), mencerminkan peningkatan dalam kebanyakan kategori import utama.

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM415.1 bilion (bersamaan dengan USD93.3 bilion) pada 30 September 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 30 Oktober 2015, kedudukan rizab berjumlah RM417.9 bilion (bersamaan dengan USD94.0 bilion). Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa tanpa gangguan. Paras ini memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran dengan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.1 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan segera terhadap rizab memandangkan terdapat aset luaran dan perolehan eksport oleh peminjam.

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku ketiga 2015. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa dan ketidakpastian dalam negeri meningkat, kadar faedah dalam pasaran wang domestik secara amnya masih stabil pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh melebihi 1 bulan mencatat trend yang lebih tinggi pada akhir suku ketiga, mencerminkan peralihan mudah tunai kepada tempoh yang lebih pendek dalam keadaan syarikat dan bank lebih mengutamakan penempatan deposit jangka pendek. Dari segi kadar runcit, kadar deposit dan kadar pinjaman secara amnya tidak berubah sepanjang suku ketiga. Kadar asas (Base Rate, BR) purata bank adalah lebih rendah sedikit pada 3.85% pada akhir suku ketiga.

Agregat monetari meningkat pada suku ketiga. Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM0.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.3% pada akhir bulan September (S2 2015: 6.0%). Peningkatan M3 pada suku ketiga didorong terutamanya oleh peningkatan yang berterusan dalam pemberian kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Peningkatan ini juga disebabkan oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih rendah, mencerminkan penebusan bon-bon kerajaan pada suku ketiga. Pertumbuhan wang secara luas, bagaimanapun, sebahagiannya diimbangi oleh aset asing bersih yang lebih rendah disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran pada suku ketiga. Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Meskipun paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia adalah lebih rendah berikutan aliran keluar sektor luaran, paras ini kekal tinggi dan melebihi paras RM200 bilion pada akhir bulan September.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM287.9 bilion (S2 2015: RM287.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.8% pada akhir bulan September (S2 2015: 8.3%). Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar yang lebih kukuh dengan paras pemberian kredit yang lebih tinggi terutamanya kepada sektor *perkilangan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; harta tanah dan kewangan, dan insurans serta perkhidmatan perniagaan*. Khususnya, pinjaman PKS terkumpul terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 17.6% (S2 2015: 17.1%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 8.1% pada suku ketiga (S2 2015: 8.7%). Walaupun aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus disokong oleh dana kasar yang diperoleh daripada sektor swasta dan awam, penebusan besar sekuriti hutang Kerajaan lebih daripada mengimbangi dana bersih yang diperoleh daripada sektor swasta, menyebabkan kedudukan keseluruhan penebusan bersih berjumlah RM2.6 bilion pada suku itu.

Ringgit dan mata wang serantau lain terus mengalami turun naik pada suku ketiga disebabkan oleh ketidaktentuan pertumbuhan dan keadaan kewangan global. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 14.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku ketiga. Ringgit turut menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-6.8%), paun sterling (-11.7%), euro (-15.4%), dan yen Jepun (-16.6%). Berbanding dengan semua mata wang serantau, ringgit menyusut nilai antara 6.3% hingga 12.8%.

Antara 1 Oktober hingga 11 November 2015, ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang utama. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.8%), euro (6.5%), yen Jepun (4.4%), paun sterling (1.8%), dan dolar Australia (0.9%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, kecuali won Korea (-1.2%) dan rupiah Indonesia (-5.7.%).

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan meskipun ketidaktentuan meningkat pada suku ketiga. Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan serta berfungsi dengan teratur, manakala institusi kewangan yang kukuh dan mudah tunai sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi terus menyokong pembiayaan kepada perniagaan dan isi rumah. Sentimen pelabur yang mudah terjejas dijangka berterusan dalam tempoh terdekat, dengan penentuan semula harga terhadap risiko terus mempengaruhi sentimen. Namun, sistem kewangan domestik dijangka kekal stabil. Ini disokong oleh penampan kewangan institusi kewangan yang kukuh, tumpuan yang berterusan terhadap pengambilan risiko berhemat, terutamanya bank-bank, dan kedalaman pasaran kewangan domestik. Keupayaan membayar balik hutang oleh kebanyakan peminjam kekal utuh, dengan pinjaman terjejas bersih tidak berubah pada 1.2%

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dan memadai untuk menampung kemungkinan kerugian daripada perkembangan tidak menentu keadaan kewangan dan ekonomi. Bagi bank, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier-1 capital, CET1), nisbah modal kumpulan 1 (tier-1 capital), dan jumlah nisbah modal kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.1%, 12.8% dan 14.8%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank merupakan modal berkualiti tinggi, yang terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans turut kukuh pada 243.8% (S2 2015: 239.0%). Dari segi agregat, institusi kewangan mempunyai penampan modal berjumlah RM132 bilion (bank-bank: RM100.2 bilion; penanggung insurans/pengendali takaful: RM31.8 bilion), yang boleh digunakan untuk menampung kemungkinan kerugian daripada keadaan kredit dan pasaran yang buruk.

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global dijangka kekal sederhana. Meskipun ekonomi maju utama terus bertambah baik, kadar pemulihan dijangka sederhana. Di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan

masih tinggi ekoran momentum pertumbuhan yang semakin sederhana dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian berkaitan harga tenaga dan komoditi serta kemungkinan keadaan pasaran tidak teratur yang berpunca daripada peralihan dasar dalam ekonomi utama.

Meskipun risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berterusan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sekitar 4.5 - 5.5% tahun ini dan 4 - 5% pada tahun 2016. Hasil daripada pelarasan struktur yang telah dilaksanakan secara berterusan sejak beberapa tahun yang lalu, ekonomi Malaysia kini disokong oleh sumber-sumber pertumbuhan yang pelbagai. Dengan prestasi sektor luaran dijangka sederhana, permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Di samping itu, kadar pertukaran yang fleksibel, pasaran kewangan yang dalam dan lebih matang serta institusi kewangan yang kukuh akan menyokong trend ini dan memastikan kejutan seperti aliran modal yang tidak menentu dapat ditangani, seterusnya meminimumkan kesan limpahan terhadap ekonomi benar.

Bank Negara Malaysia
13 November 2015

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	53.5	6.5	6.6	6.4	5.0	4.4
Perkilangan	23.0	5.3	5.4	5.6	4.2	4.8
Pertanian	9.2	3.4	-3.7	-4.7	4.6	2.4
Perlombongan	9.0	1.4	9.5	9.6	6.0	5.3
Pembinaan	4.3	9.7	8.8	9.7	5.6	9.9
KDNK Benar	**100.0[1]**	**5.6**	**5.7**	**5.6**	**4.9**	**4.7**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.8**	**1.8**	**1.2**	**1.1**	**0.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	91.5	5.0	5.7	7.9	4.6	4.0
Sektor Swasta	68.5	6.8	8.3	9.6	5.7	4.4
Penggunaan	*51.8*	*6.8*	*7.6*	*8.8*	*6.4*	*4.1*
Pelaburan	*16.6*	*7.0*	*11.1*	*11.7*	*3.9*	*5.5*
Sektor Awam	23.0	-0.9	0.6	2.5	0.9	2.8
Penggunaan	*13.6*	*5.2*	*2.5*	*4.1*	*6.8*	*3.5*
Pelaburan	*9.5*	*-8.5*	*-1.9*	*0.5*	*-8.0*	*1.8*
Eksport Bersih	9.3	7.4	-4.0	-10.2	-10.5	3.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*76.1*	*2.6*	*1.9*	*-0.6*	*-3.7*	*3.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.8*	*2.0*	*2.6*	*1.0*	*-2.8*	*3.2*
KDNK	**100.0**	**5.6**	**5.7**	**5.6**	**4.9**	**4.7**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**0.8**	**1.8**	**1.2**	**1.1**	**0.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia